

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PEMBANGUNAN DINAMIK BAGI
USAHAWAN ASNAF LUAR
BANDAR: KAJIAN DI NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR**

NURUL FARHANAH BINTI KHAIRULDIN

Tesis dikemukakan bagi memenuhi
keperluan untuk ijazah
Sarjana
(Pengajian Islam Kontemporari)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Julai 2025

ABSTRAK

Bantuan zakat merupakan instrumen penting dalam sistem ekonomi Islam yang berperanan membantu golongan asnaf keluar daripada kitaran kemiskinan, khususnya melalui pembangunan keusahawanan. Meskipun pelbagai bantuan dan sokongan telah disediakan, jumlah usahawan asnaf luar bandar yang menerima bantuan modal masih rendah, sekaligus menimbulkan persoalan tentang keberkesanan pendekatan yang digunakan. Hasil penelitian mendapati model pembangunan keusahawanan zakat digunapakai oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dilaksanakan tanpa mengambil kira latar belakang dan demografi asnaf sedangkan wujudnya jurang yang luas antara kawasan bandar dan luar bandar. Model umum ini tidak dapat menangani cabaran yang dihadapi anaf luar bandar seperti kekurangan infrastruktur, peluang ekonomi terhad, kekangan birokrasi serta faktor sosial dan psikologi yang menghalang mereka untuk berkembang. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti aktiviti keusahawanan di bawah Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP) bagi asnaf luar bandar di negeri Pahang Darul Makmur, menganalisis keperluan dan tahap persediaan mereka dalam mengembangkan perniagaan, serta mencadangkan satu model pembangunan dinamik bagi memperkasakan usahawan asnaf produktif luar bandar. Kajian berbentuk kualitatif ini dilaksanakan dengan menggunakan metode pengumpulan data melalui kaedah perpustakaan, pemerhatian dan temu bual informan. Hasil kajian mendapati bahawa program keusahawanan MUIP berdepan dengan kekangan dari segi pemilihan peserta, pemantauan dan motivasi usahawan asnaf. Keperluan utama usahawan asnaf merangkumi bukan sahaja modal, tetapi latihan praktikal, bimbingan berterusan dan akses pasaran. Kajian mencadangkan model pembangunan dinamik yang menekankan faktor demografi, individu, pengetahuan dan kemahiran serta sokongan berterusan bagi memperkasa asnaf luar bandar ke arah menjana pendapatan secara berdikari.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji-pujian dan setinggi-tinggi kesyukuran yang tidak terhingga dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana telah memberikan taufiq dan hidayah.

Pertamanya, sekalung penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr Mohd Ashrof Zaki Bin Yaakob selaku penyelia kepada tesis ini. Tidak dilupakan juga kepada Dr. Mohammad Izzat Amsyar Bin Mohd Arif atas bimbingan dan nasihat yang diberikan sepanjang penyediaan tesis ini. Begitu banyak tunjuk ajar dan bimbingan diberikan agar tesis ini dapat disiapkan.

Pengkaji ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Universiti Teknologi MARA (UITM), khususnya Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) yang telah memberikan saya peluang untuk belajar di sini.

Seterusnya, pengkaji ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada bapa, Encik Khairuldin Bin Ab. Rahim dan ibu saya Puan
serta adik-beradik yang telah banyak memberikan semangat dan mencurahkan bantuan dan kerjasama sepanjang tesis ini dijalankan.

Terima kasih tidak terhingga kepada suami saya, Encik Usamah Zaid Khairudin dan anakanda Mahdi Muhammad Bin Usamah Zaid. kerana memberikan sokongan dan dorongan untuk saya melanjutkan pelajaran.

Pengkaji ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tulus kepada rakan-rakan seperjuangan, terutamanya Syaima Binti Hasbullah dan Siti Afifah Binti Mat Rani atas sumbangan idea dan membantu mengatasi cabaran dan kesulitan yang dihadapi. Terima kasih di atas persahabatan dan sokongan yang sentiasa diberikan.

Akhir kata, pengkaji ingin mengucapkan penghargaan kepada diri sendiri atas ketabahan dan kesabaran sepanjang proses penyelesaian tesis ini. Pelbagai cabaran dan rintangan telah dihadapi, namun dengan semangat yang tidak pernah pudar, saya berjaya mengharungi segala dugaan yang datang. Terima kasih Nurul Farhanah Binti Khairuldin.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi

BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Skop Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	11
1.8 Definisi Istilah	12
1.9 Penutup	14
BAB 2 KONSEP KEUSAHAWANAN ASNAF	16
2.1 Pengenalan	16
2.2 Definisi Zakat Menurut Bahasa dan Istilah Syarak	16
2.2.1 Zakat Dari Segi Bahasa	16
2.2.2 Zakat Dari Segi Istilah Syarak	16
2.2.3 Pensyariatan Zakat	17
2.2.4 Orang Yang Layak Menerima Zakat	19
2.3 Fungsi Zakat Sebagai Instrumen Pembangunan Ummah	28
2.4 Transformasi Agihan Zakat Sara Diri Kepada Zakat Produktif	31

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kemiskinan luar bandar adalah satu isu ekonomi yang sentiasa menjadi perhatian semua pihak. Pelbagai strategi pembasmian kemiskinan telah dilaksanakan oleh kerajaan sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan pada tahun 1971-1990, Dasar Pembangunan Nasional 1991-2000, dan Dasar Wawasan Negara 2001-2020. Namun begitu, kadar kemiskinan masih tinggi di kalangan isi rumah bumiputra (Syafinas, 2014).

Mengikut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) 2022, kadar kemiskinan mutlak di kawasan luar bandar adalah lebih tinggi berbanding kemiskinan di kawasan bandar. Pada tahun 2016, peratusan kemiskinan mutlak di kawasan luar bandar adalah 1.0 peratus. Hal ini menunjukkan penurunan yang ketara dalam kadar kemiskinan berbanding lima dekad sebelumnya 1970 iaitu sebanyak 21.3 peratus. Namun begitu, pada tahun 2019, kadar kemiskinan mutlak di luar bandar melonjak secara mendadak kepada 12.4 peratus. Peningkatan yang besar ini disebabkan beberapa faktor antaranya kelemahan dalam sektor pertanian, yang merupakan sumber utama bagi kebanyakan penduduk luar bandar. Harga komoditi yang tidak menentu, perubahan cuaca yang ekstrim dan kekurangan akses kepada teknologi moden menyumbang kepada ketidakstabilan pendapatan bagi para petani.

Selain itu, ketidakseimbangan dalam pembangunan infrastruktur dan perkhidmatan asas antara bandar dan luar bandar juga memainkan peranan penting. Kemudahan asas yang disediakan di luar bandar adalah lebih sedikit berbanding dengan di bandar. Masyarakat luar bandar kurang menerima kemudahan asas seperti sekolah, hospital, air dan elektrik disebabkan jarak yang jauh (Hassan N. Khalid, 2012). Manakala, fasiliti yang disediakan di kawasan bandar lebih mudah diakses dan dinikmati dengan mudah kerana jaraknya yang lebih berdekatan. Dari sudut peluang pekerjaan pula, kawasan bandar mempunyai potensi yang lebih besar kerana mempunyai penawaran pekerjaan yang tinggi. Sebaliknya, di kawasan luar bandar peluang pekerjaan yang terhad disebabkan kurangnya eksploitasi sumber yang sedia ada. Hal ini menyebabkan ramai penduduk terpaksa berpindah ke kawasan bandar untuk